

**PEMBANGUNAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR): IMPAK  
GEOPOLITIK DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DALAM  
PILIHAN RAYA UMUM 2004, 2008 DAN 2013  
(DEVELOPMENT OF PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR): THE IMPACT  
OF GEOPOLITICS IN THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR  
DURING 2004, 2008 AND 2013 GENERAL ELECTION)**

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali

**Abstrak**

Taburan geografi penduduk di Malaysia masih lagi mengikut kelompok kumpulan kaum dan wilayah. Keadaan ini dimanifestasikan melalui pembangunan petempatan sama ada di luar bandar, bandar-bandar kecil dan bandar raya. Hal ini memberi kesan terhadap kelas sosial, hak milik antara kaum, dan fahaman politik. Dominasi sesuatu kaum di kawasan tertentu menjadikan kaum itu lebih kuat dari aspek kekuasaan politik dan mempengaruhi kaum calon atau pemimpin yang akan bertanding dalam pilihan raya. Justeru, tujuan artikel ini adalah untuk menganalisis kesan pembangunan perumahan kepada hak milik dan impak geopolitik di Kuala Lumpur. Berdasarkan data sekunder daripada pihak berkuasa perumahan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), didapati pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) telah mewujudkan seterusnya menambahkan kuasa undi/geopolitik di kawasan-kawasan di Kuala Lumpur. Orang Melayu ramai menghuni rumah-rumah kos rendah di bawah kendalian kerajaan namun bagi rumah kos tinggi pula didominasi oleh kaum Cina dan hanya segelintir sahaja orang Melayu mendiami rumah kos tinggi. Justeru, semestinya bagi kawasan majoriti kaum tertentu, mereka ingin wakil rakyat di kalangan kaum mereka dan ini menunjukkan sikap etnisiti terus mewarnai senario sosial dan politik di Kuala Lumpur khasnya dan di Malaysia amnya

*Kata Kunci:* Etnisiti, Geografi penduduk, Geopolitik, Hak milik, Kaum, Sosial, Wilayah

**Abstract**

The geographical distribution of population in Malaysia is still in accordance with community and regional groups. This situation is exemplified by the development of either settlement in rural areas, small towns and cities. This affects the social class, ethnic ownership, and political affiliation. Domination of a people in certain areas make people more powerful in terms of political power and influence those candidates or leaders who will stand for election. Hence, it is the purpose of this article to analyze the impact of housing development on property and geopolitical impact in Kuala Lumpur. Based on secondary data from the housing authorities and election commission, development of Program Perumahan Rakyat (PPR) is creating votes/geopolitical areas in Kuala Lumpur. Malays inhabit low-cost houses under Government operation, but for high-cost houses are dominated by Chinese and very few Malays live in high-cost houses. Thus, being in an uncertain state causes concern for the majority ethnic group since they want a representative from their own ethnicity. This further shows ethnicity remains the factor determining social and political representation in Kuala Lumpur and in Malaysia generally.

*Keywords:* Ethnicity, Population geography, Geopolitics, Ownership, Racial, Social, Regional

## **1.0 PENGENALAN**

Pertumbuhan dan perkembangan bandar yang amat pesat dewasa ini adalah disebabkan kesan pengglobalan pembangunan ekonomi dan budaya yang melanda ke seluruh dunia. Proses pengglobalan memberi kesan antaranya ke atas struktur penduduk, jenis dan gaya pembangunan yang dirancangkan, aliran migrasi, memampatkan ruang dan masa, mewujudkan landskap pasca-modern dan geopolitik ke atas sesebuah kawasan. Struktur ruang fizikal dan budaya hidup serta aktiviti ekonomi kian berubah dan lebih berdaya saing serta mampat. Projek-projek pembangunan tidak lagi bertumpu di kawasan bandar tetapi telah merebak ke kawasan kampung atau ladang. Tanah di kawasan bandar telah hampir tepu dan harganya mahal. Perkembangan bandar yang pesat dan pertambahan penduduk bandar sudah tentu meningkatkan permintaan terhadap kemudahan asas antara lain seperti tempat tinggal (perumahan), kemudahan kesihatan, pengangkutan, bekalan air dan tenaga. Pengglobalan pembangunan akan mengubah struktur atau perancangan pembinaan rumah yang lebih menekankan konsep tempat tinggal bercorak kondominium, apartment moden, villa, flat, rumah berbentuk mewah, gedung-gedung dan ruang-ruang perniagaan. Fenomena tersebut akan memberi impak ke atas pembentukan struktur kelas dan tahap partisipasi antara kaum atau penduduk yang menjadi penghuni bandar.

Kaum Melayu kebanyakannya tergolong dalam ‘underclass’ di bandar-bandar di Malaysia. Persoalan kemampuan mereka hidup di bandar dan memiliki unit rumah dan ruang niaga telah menjadi perdebatan hangat dalam kalangan ahli sains sosial, ahli politik dan para akademik dewasa ini. Rumah atau ruang perniagaan yang dibina kebanyakannya mahal dan mengakibatkan ramai penduduk Melayu bandar tidak mampu membelinya. Fenomena tersebut sudah tentu akan mempengaruhi taburan penempatan penduduk dan partisipasi dalam aktiviti ekonomi dan fahaman politik di bandar hasil dari proses globalisasi. Seterusnya pembangunan perumahan menyumbang kepada pertambahan pemilih seterusnya membentuk geopolitik atau kuasa undi serta etnopolitik kaum tertentu di sesuatu kawasan. Dengan menggunakan kaedah analisis data sekunder daripada data statistik perumahan, pemilih/pengundi serta keputusan pilihan raya umum mengikut Pusat Daerah Mengundi (PDM) daripada agensi-agensy yang berkaitan dengan perumahan maka adalah tujuan artikel ini untuk menganalisis impak geopolitik pembangunan perumahan di Kuala Lumpur dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2004, 2008 serta PRU ke-13, 2013.

## **2.0 SOROTAN LITERATUR**

Berdasarkan sorotan literatur yang berkaitan, strategi geopolitik telah digunakan untuk meneliti impak pembangunan di Pulau Pinang yang menekankan kependudukan di DUN Seberang Jaya dan Teluk Bahang (Universiti Sains Malaysia 1988). Pola taburan penduduk mempengaruhi aliran pengundi dan sokongan dari semasa ke semasa. Justeru, amat penting diwujudkan satu sistem kawalan dan pengesanan maklumat penduduk di sesuatu kawasan. Chuan (1997) yang mengkaji impak pembangunan perumahan di kawasan Parlimen Alor Setar mendapati pertambahan unit rumah yang dibina telah meningkatkan jumlah pengundi dan mempengaruhi majoriti sesebuah parti khususnya Barisan Nasional (BN). Sebaliknya kekalahan BN di Teluk Intan (Perak) pada pilihan raya umum 1995 antara lain adalah disebabkan kegagalan kerajaan menyediakan perumahan golongan berpendapatan rendah

serta peluang perniagaan (Jayanthi 1998). Beliau menyatakan fenomena ini juga berlaku kepada pengundi India di Sentul yang menyebabkan mereka mengundi parti pembangkang. Pembangunan projek perumahan kos sederhana dan mewah di kawasan Parlimen Titiwangsa telah menyebabkan hanya segelintir sahaja kaum Melayu yang mampu membelinya dan secara tidak langsung telah mengubah komposisi penduduk di kawasan tersebut (Robia 1996). Oleh itu 'politik perumahan' adalah penting dan mampu mempengaruhi sokongan terhadap sesebuah parti politik (Mohd Razali 1986). Isu pembinaan perumahan juga telah digunakan sebagai isu utama dalam kempen pilihan raya *Peoples Action Party* (PAP) di Singapura. Tai dan Peter (1992: 172) menjelaskan bahawa PAP telah memilih isu perumahan sebagai polisi utama untuk kempen pilihan raya. Mereka telah berjanji untuk melancarkan pembinaan program perumahan awam secara besar-besaran iaitu membina rumah flat kos rendah sekiranya mereka (PAP) diundi sebagai kerajaan. Di bandar-bandar negara Kanada, status pekerjaan mempengaruhi pemilihan rumah dan sikap politik pengundi yang berkait rapat dengan kelas sosial. Seseorang itu akan memberi sokongan kepada kerajaan jika keperluan perumahan mereka dapat dipenuhi dan hubungan antara tingkahlaku mengundi dengan hak milik adalah signifikan (William 1989).

Di Britain, kebiasaannya pembinaan perumahan ditumpukan di kawasan yang ramai penyokong parti pemerintah (Hoggart 1995). Mohd Razali (1986, 1992 & 2001) menyatakan bahawa politik perumahan adalah penting dalam menentukan sokongan terhadap sesuatu parti politik. Penglibatan dan sokongan seseorang terhadap sesebuah parti politik berdasarkan kepada peluang memiliki rumah dan sokongan terhadap pemimpin atau parti politik akan terjejas jika penyokong-penyokong parti diketepikan. Mohd Fuad (1998a & 1998b) mendapati kebanyakan kaum Melayu tidak mampu membeli rumah di kawasan bandar yang dibina kerana harga pasaran yang terlalu tinggi dan bentuk perumahan yang kurang diminati. Projek perumahan kos rendah dan sederhana tidak banyak dibina dan amat tidak diminati oleh pemaju. Kesan dari pola ini, komposisi kaum di sesuatu kawasan perumahan akan berubah dan dalam jangka masa panjang majoriti sesuatu kaum di sesebuah bahagian pilihan raya juga turut berubah. Lantas keadaan tersebut akan mempengaruhi fahaman politik dan corak geografi pilihan raya dan akan menggugat kekuatan politik bangsa Melayu masa hadapan jika pembangunan perumahan dibiarkan tumbuh dan kurang dikawal, tambahan lagi keadaan tersebut sudah menular ke luar bandar.

Mohd Fuad (1999a) menjelaskan kekuatan geopolitik Melayu terletak kepada perpaduan dan keteguhan bangsa Melayu dengan memperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana yang mampu dimiliki orang Melayu serta memantau atau memperlahankan pembukaan bandar baru. Mohd Fuad (1999b) dalam kajian 'Pembangunan perumahan: hak milik dan dampak geopolitik kaum di kawasan Parlimen Sungai Petani, Kedah' mendapati pembangunan perumahan di kawasan tersebut telah mengubah komposisi dan mempengaruhi geopolitik kaum dengan meningkatnya bilangan pemilih baru. Komposisi ini bergantung kepada jumlah unit rumah yang dimiliki mengikut kaum selaras dengan kemampuan mereka. Perubahan komposisi kaum secara tidak langsung akan menyebabkan kuasa politik dipengaruhi oleh kaum yang mendominasi sesebuah taman atau bandar baru. Mohd Fuad & Rusnah (2005 & 2007) dalam kajian 'Pembangunan Perumahan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ampangan' mendapati pembinaan kawasan perumahan antara lain akan mengubah landskap budaya, taburan dan komposisi penduduk, struktur dan ekonomi bandar-luar bandar. Fenomena tersebut memberi kesan terhadap kelas sosial, hakmilik antara kaum dan fahaman politik. Kesimpulannya, pembangunan di kawasan DUN Ampangan telah berjaya membina rumah yang mampu dibeli oleh kaum Melayu lantas menambah kelestarian kuasa politik bangsa Melayu.

Pattie (1995) menjelaskan kemelesetan ekonomi menyebabkan pasaran perumahan semakin merosot seterusnya menyebabkan kurangnya sokongan pengundi kepada Kerajaan dalam pilihan raya 1992 di Great Britain. Polisi penjualan rumah Majlis Perbandaran yang dilakukan semasa Parti Konservatif di Britain kepada penyokong mereka telah memberi kesan besar terhadap kemenangan parti tersebut pada pilihan raya 1992. Peratusan perubahan pemilikan unit rumah telah mengalih undi parti Buruh (Labour) kepada Konservatif sebanyak 1.4 peratus (Field 1997). Sejak pilihan raya pertama demokrasi di Afrika Selatan pada bulan April 1994, satu dasar perumahan baru telah digubal untuk menggantikan Kerajaan yang sebelumnya. Skim subsidi perumahan kebangsaan telah diperkenalkan untuk membantu golongan berpendapatan rendah untuk menjadi pemilik rumah kali pertama. Janji-janji yang telah dibuat sebelum pilihan raya tahun 1994 iaitu memberikan rumah rakyat yang mempunyai tiga bilik tidur bagi setiap keluarga. Namun, pihak kerajaan tidak dapat menyediakan satu plot khidmat dan membina sebuah rumah saiz dan standard yang boleh diterima. Golongan berpendapatan rendah menganggur dan tidak layak untuk kewangan tambahan (Killian 1998).

Kajian yang dibuat oleh Malpass (1999) di Britain mendapati program-program perumahan yang dibentuk selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 merupakan salah satu strategi untuk mengukuhkan parti politik, disamping memenuhi keperluan dan menyusun semula masyarakat. Isu-isu perumahan telah dianggap memberi kemenangan yang begitu baik kepada parti Konservatif. Penyokong parti telah memberi sokongan kuat kepada Kerajaan jika permintaan perumahan mereka dipenuhi. Tomlinson (1999) mendapati dasar perumahan di Afrika Selatan adalah berasaskan perkauman dan ini ditentang oleh kumpulan-kumpulan politik rakyat, komuniti perniagaan, industri bangunan, institusi kewangan, kesatuan, sivik dan organisasi pembangunan. Justeru, Skim Subsidi Perumahan baru Afrika Selatan dirangka semula dengan mengambil kira kepentingan semua kaum. Chou et al. (2006) mendapati dasar perumahan Taiwan telah mewujudkan pergerakan sosial sebagai tindakbalas kepada pendemokrasian politik. Dasar perumahan baru yang telah dipengaruhi oleh usaha-usaha advokasi kumpulan tindakan telah dibangunkan Mei 2005 untuk memenuhi keperluan sosial dan mencapai kesaksamaan sosial. Tomlinson (2007) menjelaskan pembangunan pembiayaan perumahan mempunyai kaitan dengan penggubalan dasar perumahan Afrika Selatan. Pemberian pinjaman kewangan kepada isirumah berpendapatan rendah dipermudahkan agar mereka dapat memiliki rumah seterusnya menjadikan dasar perumahan sebagai berkesan dan berjaya. Utt (2008) mendapati pengezonan kawasan perumahan di Amerika Syarikat telah mewujudkan kuasa politik kepada calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya seterusnya calon-calon tersebut berpeluang untuk memenangi pilihan raya yang diadakan.

Williamson (2008) menjelaskan ciri-ciri keruangan seperti ketersampaian, kawasan kejiranan/perumahan, kemudahan perhubungan dan pengangkutan mempengaruhi kemenangan calon daripada Parti Republikan dalam pilihan raya 2000 dan 2004 di Amerika Syarikat. Kajian oleh Carrell & Hauge (2009) mendapati karenah birokrasi melalui kuasa yang dikawal Presiden dan Kongres iaitu campurtangan politik telah menyebabkan perumahan tentera lambat dibina seterusnya mempengaruhi undi tentera di Amerika Syarikat. Schwartz (2012) menyatakan dasar perumahan Amerika Syarikat pasca pilihan raya Presiden 2012 mempunyai kelemahan dalam reka bentuk program pentadbiran, dan ketidakupayaan pentadbiran untuk mengambil langkah-langkah tambahan bagi menangani masalah perumahan negara. Junaidi et al. (2012a; 2012b; 2012c) mendapati Dasar Perumahan Negara (DRN) di Malaysia yang menggalakkan perkembangan sektor perumahan yang pesat telah

menyebabkan kuasa geopolitik melalui hak untuk mengundi (politik) semakin tinggi melalui pendaftaran sebagai pemilih/pengundi di sesuatu kawasan seterusnya mempengaruhi sokongan kepada parti politik dan keputusan pilihan raya mengikut lokaliti.

Junaidi et al. (2013b) melalui kajian 'Perumahan dan impak geopolitik dalam PRU 1995 hingga 2013: kajian kes di Kawasan Parlimen Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur' mendapati terdapat perkaitan antara perumahan dan geopolitik di beberapa jenis kawasan perumahan yang dihuni oleh pelbagai etnik dan kelas sosial berdasarkan sokongan dan keputusan PRU 2013 yang lalu. Junaidi et al. (2013c) kemenangan BN di kawasan Parlimen Titiwangsa pada PRU 1982 (majoriti 19,699 undi), 1986 (majoriti 11,777 undi), 1990 (majoriti 12,071 undi), 1995 (majoriti 18,966 undi) dan 2004 (majoriti 11,815 undi) disebabkan oleh komposisi etnik campurannya serta pertambahan pemilih dan isu semasa di peringkat setempat dan nasional yang memihak kepada BN. Kekalahan tipis PAS dengan majoriti 1513 undi pada PRU 1999 pula disebabkan undi kaum Cina dan India serta undi pos yang memihak kepada BN. Seterusnya, kemenangan PAS dengan majoriti 1972 undi pada PRU 2008 pula diakibatkan 'tsunami politik' 2008 melalui sokongan padu pengundi Cina dan India serta sebahagian peneroka Melayu bandar. Namun BN berjaya menawan semula kawasan ini pada PRU 2013 dengan majoriti 866 undi melalui sokongan pengundi Melayu bandar yang berpendapatan sederhana di Kampung Bharu, Keramat, Kampung Pandan, perumahan PPR serta undi pos dan undi awal. Dalam masa yang sama PAS masih mendapat sokongan daripada pengundi Cina dan India bandar serta golongan Melayu profesional.

Junaidi et al. (2013d) mendapati Barisan Nasional (BN) terus menguasai kawasan perkampungan tradisi Melayu; taman-taman perumahan majoriti Melayu; kawasan PPR yang diduduki pengundi Melayu dan India; serta penempatan kakitangan Kerajaan/awam iaitu tentera dan polis manakala Pakatan Rakyat (PR) menang di kawasan perkampungan tradisional Cina dan India; kawasan taman-taman perumahan majoriti Cina; kawasan PPR yang bermajoritikan etnik Cina; kawasan perumahan yang berdekatan dengan kawasan perniagaan; serta perumahan elit di Kuala Lumpur. Pola tersebut menunjukkan Pakatan Rakyat terus mendominasi Kuala Lumpur dengan penguasaan 9 daripada 11 kerusi Parlimen di Kuala Lumpur. Kemenangan PR tersebut dikaitkan dengan fenomena 'tsunami politik bandar' yang berpunca daripada sumber maklumat politik daripada media alternatif (internet) yang meluas, kemudahan asas telah sedia ada seterusnya menolak fahaman 'politik pembangunan', kesedaran harapan demokrasi yang tinggi dalam isu urus tadbir baik dan hak asasi manusia serta penolakan politik perkauman oleh etnik Cina. Justeru, pola pengundian dan faktor-faktor tersebut menjadikan kajian politik bandar lebih menarik untuk dikaji dan dijadikan asas kepada pihak yang berkaitan sebagai strategi bagi memenangi hati pengundi pada PRU akan datang.

### **3.0 KAWASAN KAJIAN**

Geografi pilihan raya adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian termasuk keputusan pilihan raya (Amer Saifude 2009: 1). Berdasarkan kajian bidang geografi pilihan raya yang terdahulu, telah dibuktikan bahawa elemen ruangan yang berasaskan kepada jarak mempunyai pertalian yang kuat dengan interaksi sosial para pengundi dan seterusnya memberi kesan kepada tingkahlaku mengundi (Johnston 1972). Ruang juga merujuk kepada sifat atau fenomena yang dibahagikan dalam sesuatu lingkungan, kawasan atau sempadan. Elemen ruangan seperti perletakan, lokasi, kejiranan dan jarak dilihat mempengaruhi kepada tingkahlaku dan pembuatan keputusan. Manusia akan berinteraksi

dengan siapa atau di mana berasaskan kepada lokasi dan kejiranan di mana mereka berada. Elemen ruangan adalah sebahagian yang terkandung dalam pengajian geografi dan geografi politik secara khususnya dalam mengkaji pilihan raya (Rosmadi et al. 2011).

Dalam konteks tingkahlaku mengundi pada masa kini, elemen ruang dan masa sudah mempengaruhi keputusan pengundi untuk memilih calon apabila golongan minoriti dipengaruhi majoriti di sekelilingnya terutama golongan muda. Politik baru yang menggarap imaginasi belia ini lebih agresif dan liberal iaitu sudah pupus sentimen politik perkauman dan isu politik tradisional. Golongan muda ini mahukan kehidupan yang lebih madani dan sejahtera dengan memberi tumpuan kepada keselesaan perkhidmatan, pekerjaan yang baik, kemudahan awam, tempat tinggal dan juga harga barangan yang berpatutan. Secara keseluruhannya, keadaan politik negara menunjukkan satu transformasi. Reaksi rakyat pula hebat sekali, terutama pada saat pilihan raya yang kian hampir dengan banyak tuntutan dan memorandum dikemukakan. Ini memperlihatkan rakyat semakin sedar akan hak mereka sendiri (Rosmadi 2013a). Justeru, parti politik yang bertanding perlu memastikan kebajikan rakyat terpelihara terutamanya bagi golongan atas pagar yang berada di bandar dan juga merupakan golongan kelas menengah termasuk pekerja swasta. Mereka yang tinggal di bandar dan pinggir bandar memerlukan zon kemakmuran. Mereka mendiami apartment kos sederhana dan rumah flat kos rendah iaitu golongan yang menanggung kos hidup yang tinggi di bandar. Mereka ini golongan penentu kepada keputusan PRU ke-13, 2013 (Rosmadi 2013b).

Dalam kajian ini, kawasan kajian yang dipilih ialah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehingga 22 Februari 2013, terdapat 799,266 pemilih (pengundi) berdaftar di Kuala Lumpur yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ([http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/3/mstar\\_berita/2013040113627&sc=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/3/mstar_berita/2013040113627&sc=mstar_berita)). Dari segi unit kediaman/perumahan yang sedia ada (2005) di Kuala Lumpur, secara keseluruhannya terdapat 676,163 unit kediaman dengan 188,610 unit (28 peratus) rumah kos rendah, 158,307 unit (23 peratus) rumah kos sederhana, 288,817 unit (43 peratus) rumah kos tinggi dan 40,429 unit (6 peratus) perumahan sementara. Kuala Lumpur mempunyai 291 kawasan perumahan utama di seluruh 11 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan tersebut. Kuala Lumpur tergolong dalam sebuah kawasan metropolitan besar yang turut meliputi sebahagian besar negeri Selangor, iaitu Lembah Klang, sebuah kelompok bandar yang diduduki 7.2 juta orang (keseluruhan kawasan Lembah Klang yang merangkumi Kuala Lumpur, Selangor, Perak Selatan dan Negeri Sembilan Utara) dan juga kawasan metropolitan yang paling pesat membangun di negara dari segi bilangan penduduk dan ekonomi. Bandar raya ini juga merupakan pusat kebudayaan dan ekonomi Malaysia kerana kedudukannya selaku ibu negara dan bandar raya primat (Peter & Phang 2012).


Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah ibu negara dan bandar terbesar di Malaysia. Ia meliputi tanah seluas 243 km persegi (94 batu<sup>2</sup>), diduduki 1,674,621 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011). Daripada jumlah tersebut, 44.4 peratus adalah kaum Melayu, 43.2 peratus Cina, 11.1 peratus India dan 1.4 peratus kaum-kaum lain (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010a, 2010b & 2010c). Dari segi kumpulan pekerjaan di Kuala Lumpur, 18.7 peratus bekerja dalam sektor perkhidmatan, pekerja kedai dan jurujual; masing-masing 14.8 peratus bekerja dalam bidang penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus serta pekerja perkeranian; 12.4 peratus juruteknik dan profesional bersekutu; 10.9 peratus pekerjaan asas; 9.9 peratus profesional; dan 7.3 peratus bekerja sebagai operator loji dan mesin serta pemasangan (Jabatan Perangkaan Malaysia 2004).

Sehingga 11 April 2013, di Kuala Lumpur terdapat 792,017 pemilih (pengundi) berdaftar dengan komposisi 44.4 peratus adalah Melayu, 43.2 peratus Cina, 11.1 peratus India dan 1.4 peratus kaum-kaum lain dengan 792,017 pemilih (pengundi) berdaftar. Dari segi jantina pengundi, terdapat 396,952 pemilih (50.12 peratus) lelaki dan 395,119 pemilih (49.88 peratus) adalah perempuan. Jika dilihat kepada jenis pengundi, 751,322 pemilih (94.86 peratus) adalah Pengundi Biasa, Pengundi Tentera dan Pasangan 24,892 pemilih (3.14 peratus), Pengundi Polis dan Pasangan 15,453 pemilih (1.95 peratus) dan Pengundi Luar Negara 404 pemilih (0.05 peratus) yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). ([http://www.pru13.gov.my/pdf/statistik\\_bilangan\\_parlimen/statistik\\_pemilih\\_negeri.pdf](http://www.pru13.gov.my/pdf/statistik_bilangan_parlimen/statistik_pemilih_negeri.pdf)).

Perumahan PPR yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) adalah bertujuan memastikan rakyat mendapat kemudahan perumahan yang mencukupi untuk dibeli atau disewa khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Program tersebut berterusan dalam RMK10 dan RMK11. Pada tahun 2012, diperuntukkan RM443 juta untuk membina 8,000 unit PPR untuk disewa dan 7,000 PPR untuk dijual. Di Kuala Lumpur sejak tahun 1998, terdapat 25 Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang melibatkan 32,762 unit yang dibina di Bandar Tun Razak, Pudu, Cheras, Lembah Pantai dan Kepong. Perumahan tersebut dibina untuk menggantikan perumahan setinggian yang dirobohkan di seluruh Kuala Lumpur dan juga perumahan rakyat berpendapatan kurang RM2500 pada masa sekarang. Kadar sewa sebulan bagi rumah PPR ialah RM 124.00 (DBKL 2010). Pada April 2010, kerajaan telah menawarkan penjualan 21,611 unit PPR di Kuala Lumpur kepada penghuni sedia ada. Daripada jumlah itu, hanya 10,159 sahaja yang layak membeli PPR ini, manakala bakinya bermasalah untuk mendapat kelulusan pembelian atas pelbagai sebab.

Pada awalnya, PPR ini hanya dibenarkan untuk disewa sahaja namun pada 11 Julai 2009, pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak sempena 100 hari pentadbirannya telah mengumumkan hadiah untuk rakyat iaitu penjualan 44,146 unit rumah PPR MTEN dan PA DBKL di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Harga yang ditetapkan bagi rumah PPR ialah RM 35,000 bagi setiap unit dengan keluasan minimum 68 meter persegi yang merangkumi 3 bilik tidur, 2 bilik air, ruang tamu dan dapur; manakala bagi Perumahan Awam DBKL adalah mengikut keluasan dan jumlah bilik (KWPKB 2010; [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1116&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1116&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm)).

Secara mikronya, terdapat 25 buah rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) MTEN merangkumi keseluruhan lokasi kawasan di Kuala Lumpur iaitu PPR Pekan Kepong, PPR Intan Baiduri, PPR Taman Wahyu I (Beringin), PPR Taman Wahyu II (Wahyu), PPR Pekan Batu, PPR Kg. Batu Muda, PPR Seri Semarak, PPR Sungai Bonus Air Jernih, PPR Ampang Hilir (Hiliran Ampang), PPR Perkasa (Cochrane 1), PPR Jalan Lapangan Terbang Lama Fasa I (Seri Alam), PPR Jalan Lapangan Terbang Lama Fasa II (Seri Alam 2), PPR Laksamana (Cochrane 2), PPR Pudu Hulu, PPR Seri Malaysia, PPR Desa Petaling (Sungai Besi), PPR Malaysia Permai (Raya Permai), PPR Kg. Muhibbah Jalan Puchong, PPR Salak Selatan, PPR Kampung Limau Pantai Dalam, PPR Lembah Pantai Kerinchi, PPR Seri Cempaka (KL Linear City II Fasa II), PPR Pantai Ria (KL Linear City II Fasa I), PPR Seri Anggerik (KL Linear City 1) dan PPR Kg. Baru Air Panas (Rujuk *Rajah 1*).



**Rajah 1. Peta Lokasi Perumahan PPR (Program Perumahan Rakyat) Mengikut Kawasan Parlimen dan kedudukan dalam Pusat Daerah Mengundi di Kuala Lumpur (Nota: P114 Kepong; P115 Batu; P116 Wangsa Maju; P117 Segambut; P118 Setiawangsa; P119 Titiwangsa; P120 Bukit Bintang; P121 Lembah Pantai; P122 Seputeh; P123 Cheras; dan P124 Bandar Tun Razak)**

Sumber: Diubahsuai daripada Peta AGISwlk Kawasan-Kawasan Perumahan Utama Di Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Putrajaya 2012; Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya di 11 kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Mengikut Daerah-Daerah Mengundi, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.



#### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Sumber data kajian diperoleh melalui sumber sekunder. Data sekunder diperoleh daripada data statistik perumahan, pemilih/pengundi serta keputusan pilihan raya umum mengikut kedudukan rumah PPR dalam Pusat Daerah Mengundi (PDM) daripada agensi-agensi yang berkaitan dengan perumahan iaitu pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Putrajaya, Pejabat Pilihan Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perpustakaan Kuala Lumpur. Selain itu, maklumat sekunder juga diperoleh dari penyelidikan di perpustakaan (data, laporan penyelidikan, kertas kerja, artikel dalam akhbar, buku prosiding, buku rujukan ilmiah dan artikel jurnal) serta rujukan atas talian internet yang digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan pembangunan kawasan kajian dan persepsi pihak yang berkenaan terhadap polisi perumahan sesebuah negara.

#### **5.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

##### **5.1 Politik, Pilihan Raya Umum dan Impak Geopolitik Perumahan PPR**

Sistem pemerintahan '*divide and rule*' yang diamalkan oleh pihak British telah mencorakkan taburan penduduk kepada dua bahagian iaitu di bandar yang didominasi kaum Cina; dan di kawasan luar bandar yang majoritinya dihuni oleh kaum Melayu. Dari segi sektoral pula, sektor politik di bawah kuasa Melayu manakala ekonomi dikuasai oleh kaum Cina. Pola sedemikian sudah tentu mempengaruhi taburan penempatan penduduk, sosioekonomi, fahaman politik serta pemerintahan yang sentiasa mengambilkira faktor perkauman dalam apa jua polisi atau perancangan yang hendak dijalankan oleh kerajaan. Pembinaan kawasan perumahan antara lain akan mengubah landskap budaya, taburan dan komposisi penduduk, struktur dan ekonomi bandar-luar bandar. Fenomena tersebut memberi kesan terhadap kelas sosial, hakmilik antara kaum dan fahaman politik.

Keadaan geopolitik kaum atau kawasan dipengaruhi oleh taburan komposisi etnik; jenis ruang kawasan/wilayah/bandar dan luar bandar; program/polisi pembangunan kerajaan; proses pempadanan dan persempadanan semula bahagian pilihan raya. Impak geopolitik dasar dan pembangunan perumahan merujuk kepada pemilikan rumah seterusnya mewujudkan kuasa undi di sesuatu kawasan lokaliti. Dasar dan pembangunan perumahan sesuatu kawasan mewujudkan kuasa undi pemilik atau penghuni dalam sesuatu kawasan perumahan dan menghasilkan geografi kuasa dalam setiap pilihan raya di kawasan berkenaan (Peet 2007). Pembangunan dan dasar perumahan menambahkan lagi jumlah pemilih/pengundi di sesuatu kawasan. Dalam konteks kajian ini, majoriti PPR dimiliki oleh kaum Melayu, justeru keadaan tersebut menguatkan lagi kuasa politik orang Melayu di kawasan lokaliti tertentu yang asalnya merupakan penghuni di perkampungan setinggan dan mereka yang berhijrah ke bandar raya untuk bekerja seterusnya memiliki rumah. Pertambahan pemilih/pengundi telah menambahkan lagi jumlah kerusi Parlimen di Kuala Lumpur. Pertambahan kawasan Parlimen dapat dilihat kepada perubahan jumlah kerusi Parlimen selepas ulangkaji persempadanan semula bahagian pilihan raya antara tahun 1974 hingga 2002. Didapati perkembangan sektor perumahan telah menambahkan lagi jumlah kerusi Parlimen pada persempadanan semula pada tahun 1974 (5 kerusi), 1984 (5 kerusi), 1992 (10 kerusi) dan 2002 (11 kerusi) (Mazlan et al. 2012).

Kewujudan dan persempadanan semula bahagian pilihan raya ketika persempadanan semula tahun 2002 iaitu Setiawangsa, Titiwangsa dan Lembah Pantai membuktikan bahawa pertumbuhan kawasan perumahan menambahkan lagi kuasa politik di Kuala Lumpur terutamanya bagi orang Melayu yang asalnya merupakan peneroka bandar/setinggalan atau tiada tempat tinggal yang tetap, telah ditempatkan dalam perumahan kos rendah dan sederhana di Kuala Lumpur. Jadual di bawah menunjukkan jumlah pemilih/pengundi dan keputusan pilihan raya di kawasan pusat daerah mengundi yang mempunyai pengundi yang menghuni PPR mengikut kawasan Parlimen di Kuala Lumpur.

**Jadual 1 Kawasan Parlimen dan Pusat Daerah Mengundi yang mengandungi Perumahan PPR (Program Perumahan Rakyat) di Kuala Lumpur**

Kawasan Parlimen	Pusat Daerah Mengundi	Jumlah Pemilih (April 2013)	PRU 2004		PRU 2008		PRU 2013	
			BN	(PKR/ DAP/ PAS)	BN	(PKR/ DAP/PAS)	BN	(PKR/ DAP/ PAS)
P115 Batu (BN vs PKR)	Pekan Batu	3213	1942	1234	668	1396	867	2107
	Taman Wahyu	3070	1641	1200	687	1210	963	1987
	Batu Muda	2707	951	486	804	664	1764	973
	Taman Intan	1977	-	-	304	622	607	1660
	Baiduri							
	Taman Beringin	2955	Daerah mengundi yang baru diwujudkan 2011				1480	1451
P124 Bandar Tun Razak (BN vs PKR)	Sungai Besi	3492	2253	1278	1772	2134	-	-
	Pekan Sungai Besi	1750	1919	764	1511	1373	471	856
	Kampung Sungai Besi	3464	1183	490	978	906	1494	1754
P121 Lembah Pantai (BN vs PKR)	Bukit Kerinchi	5412	2124	1458	1749	1872	2435	1870
	Pantai Dalam	4759	1490	759	3042	3005	2279	1824
	Pantai Baharu	3053	1146	443	652	955	726	1273
	Kampung Pantai Halt	2755	900	389	798	630	2110	1050
	Taman Bukit Angkasa	5591	Daerah mengundi yang baru diwujudkan 2011				3792	2047
	Petaling Selatan	4953	2007	1207	1478	1694	1958	1809
P123 Cheras (BN vs DAP)	Pudu Ulu	3617	677	1477	460	1840	468	2082
	Jalan Sungai Besi	2635	524	1239	323	1479	491	1724

	Taman Shamelin Perkasa	3191	Daerah mengundi yang baru diwujudkan 2011				686	2316
P119 Titiwangsa (BN vs PAS)	Kg Pandan Luar Jalan Mengkudu	3888	1939	431	-	-	969	2169
	Jalan Cochrane	1634	358	226	329	360	827	668
	Jalan Salak	3275	-	-	883	1129	999	1628
Seputeh (BN vs DAP)	Salak Selatan	4941	1424	2000	1011	2540	1042	2796
	Taman Sri Petaling	4562	2884	4276	999	4479	542	3851
	Taman Yarl	6184	1229	2090	610	3076	886	4715
	Salak Tempatan Dalam	3481	411	795	483	2192	425	2672
P118 Setiawangsa (BN vs PKR)	Ayer Panas Dalam	3214	2418	450	1426	1521	1355	1643
	Ayer Panas Luar	3967	2106	268	971	1586	952	2700
	Ayer Panas Tengah	1907	Daerah mengundi yang baru diwujudkan 2011				600	1115
P114 Kepong (BN vs DAP)	Pekan Kepong	3511	1157	1542	628	2030	399	2340

(Sumber: *Score Sheet* Terpilih Keputusan Pilihan Raya Umum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tahun 2004, 2008 dan 2013, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Putrajaya; Daftar Pemilih April 2013, Pejabat Pilihan Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Jadual 1 daripada jumlah pemilih dalam daerah mengundi yang mempunyai perumahan PPR menunjukkan bahawa ia menyumbang jumlah pemilih/pengundi yang besar dalam menentukan sokongan kepada parti politik yang bertanding dalam setiap pilihan raya dan isi rumah yang layak mengundi semestinya bertambah setiap tahun dan penggal pilihan raya terutamanya dalam PRU 2004. Dalam PRU 2004, BN menguasai kebanyakan daerah mengundi yang mempunyai perumahan PPR yang dihuni majoriti etnik Melayu namun pada PRU 2008, isu dan sentimen nasional melalui fenomena ‘tsunami politik’ negara dan undi protes terhadap kepimpinan Perdana Menteri sebelum ini (Abdullah Ahmad Badawi) telah mengubah seterusnya mengalih sokongan kepada parti-parti pembangkang dan ini menunjukkan pilihan politik penghuni PPR dapat menentukan kemenangan dan kekalahan parti-parti politik yang bertanding. BN tewas di 10 kawasan Parlimen dan hanya menang di Setiawangsa yang dibantu oleh undi pos (Joseph 2011). Pada PRU 2013 pula memperlihatkan BN menang di kawasan PPR majoriti Melayu di samping parti-parti dalam Pakatan Rakyat terus menang di kawasan majoriti Cina dengan undi yang lebih tinggi berbanding PRU sebelumnya.

Kedaaan geopolitik kaum pasca PRU 2008 menyebabkan berlakunya pergolakan kepimpinan dalam MCA, MIC, GERAKAN serta UMNO. Dari segi penguasaan jumlah kerusi Parlimen, UMNO telah tewas di 32 kerusi yang dikuasai pada PRU 2004 (110 kerusi pada PRU 2004 kepada 78 kerusi pada PRU 2008), MCA tewas 16 kerusi (31 kerusi kepada

15 kerusi), MIC tewas 6 kerusi (9 kerusi kepada 3 kerusi) dan GERAKAN tewas 10 kerusi (12 kerusi kepada hanya 2 kerusi) (<http://semak.spr.gov.my/spr/>). Impak PRU 2008 juga telah menyebabkan pertukaran kuasa di 4 negeri (Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah) yang menyebabkan berlakunya perubahan dasar/polisi pembangunan sosioekonomi di negeri-negeri berkenaan, partisipasi kaum dalam pelbagai sektor lebih terbuka, peningkatan kemampuan dan kuasa beli sesuatu kaum bagi menggarap peluang dan berlakunya pembangunan perumahan dan bandar baru.

## **5.2 Pembangunan Perumahan dan Impak Geopolitik**

Pembangunan perumahan di sesuatu kawasan pada peringkat awalnya menghasilkan geopolitik kaum yang dapat mengubah pola taburan penduduk mengikut kaum dan komposisi serta hakmilik, mengubah peratusan pengundi dan kuasa/suara politik di sesebuah kawasan, menjauhkan lagi jurang polarisasi kaum, seterusnya mewujudkan pertambahan hakmilik mengikut kaum tidak seimbang dengan pertambahan unit yang dibina. Justeru pembinaan taman-taman perumahan mampu atau boleh mengubah pola taburan penduduk mengikut kaum. Jenis rumah, lokasi dan kuasa beli sesuatu kaum amat mempengaruhi unit rumah yang akan dibeli oleh individu atau yang dijual oleh pemaju. Kaum (individu) yang lebih mampu akan mendominasi sesuatu kawasan perumahan sekiranya rumah yang dibina itu terlalu mahal bagi kaum yang lain. Lantas jumlah penduduk di sesebuah taman mengikut kaum tertentu bertambah dan suara mereka menjadi kuat dalam menyuarakan isu-isu ekonomi dan politik bangsa.

Fenomena yang berlaku di Kuala Lumpur memperlihatkan bahawa setiap pembinaan taman perumahan selepas tahun 1995 didominasi oleh kaum bukan Melayu. Setiap unit rumah pelbagai jenis dan yang mempunyai ciri-ciri rumah moden kebanyakannya dibeli oleh kaum Cina walaupun harganya mahal. Bilangan unit perumahan baru akan menambah kepada peratusan jumlah penduduk dan pengundi di kawasan ini. Ini bermakna undi dan kuasa mereka akan bertambah kuat. Sebaliknya pemilikan unit rumah moden yang bercirikan rumah moden (mahal) tidak banyak dimiliki oleh kaum Melayu kerana mereka lebih bertumpu kepada unit rumah sederhana dan murah yang tidak banyak dibina di kawasan Kuala Lumpur. Ketidakmampuan membeli unit kuota yang diperuntukkan bagi mereka akan mengurangkan lagi jumlah hakmilik kaum Melayu. Ini bermakna setiap taman perumahan yang dibina, unit yang dimiliki oleh kaum Melayu tidak bertambah atau tidak selaras dengan pertambahan unit yang dibina. Keadaan ini akan memberi kesan terhadap peratusan majoriti kaum Melayu dalam sesuatu bahagian pilihan raya dalam jangkamasa yang panjang. Bagi kaum India jumlah hakmilik unit rumah kurang memberi kesan kepada geopolitik mereka. Sebagai kaum minoriti kekuasaan politik mereka tidak banyak terjejas dan masih bergantung kepada politik majoriti.

Kalau dilihat dari sudut parti Barisan Nasional (BN), taburan kaum yang sedemikian mendatangkan kebaikan kepada mereka (BN). Jumlah unit yang dimiliki tidak menjejaskan kekuatan politik BN kerana dasar perkongsian di bawah komponen BN. Ramai dalam kalangan pemimpin tempatan berpendapat bahawa pengaruh globalisasi tidak banyak memberikan impak terhadap pembangunan perumahan. Keadaan tersebut juga tidak banyak mengubah sokongan parti kerana mereka yang menetap di taman-taman baru terdiri dari penyokong BN. Namun demikian, jika ditinjau dari aspek peratusan majoriti kaum (pengundi) di sesuatu kawasan Parlimen, pertambahan hakmilik unit rumah yang tidak seimbang boleh mengurangkan majoriti kaum pengundi di samping menambah peratusan

pengundi di pihak yang lain. Ia juga menjauhkan lagi jurang polarisasi kaum di sesuatu kawasan.

Pembangunan perumahan di Kuala Lumpur amat jelas telah dipengaruhi oleh arus globalisasi. Jenis perumahan yang dibina kebanyakannya mahal, moden dan dilihat lebih kepada menyediakan untuk pasaran antarabangsa/global. Keadaan ini bersesuaian dengan lokasinya sebagai ibu negara yang menjadi tumpuan warga asing daripada seluruh dunia. Ada kemungkinan unit tempat tinggal yang dikosongkan atau disewa oleh penduduk tempatan dimiliki oleh pemilik asing. Fenomena ini sudah tentu mempengaruhi komposisi dan geopolitik kaum kerana kebanyakan jenis rumah yang dibina di taman-taman perumahan didominasi oleh kaum tertentu atau pemilik asing. Peraturan perubahan komposisi kaum melalui hakmilik unit rumah akan terus berlaku di Kuala Lumpur kerana pihak pemaju lebih berminat membina rumah yang mahal dan bercorak rumah bercirikan rumah moden. Taburan hakmilik unit rumah yang tidak seimbang dan ketidakmampuan sesuatu kaum memiliki rumah yang mahal bercirikan kehidupan mewah perlu disekat atau dikawal. Walaupun arus globalisasi mempengaruhi perancangan perumahan dan pola tempat tinggal namun pihak yang berwajib perlulah melihat atau memastikan pengagihan unit rumah dibuat seimbang mungkin dan memastikan lebih banyak rumah yang mampu dibeli oleh mereka yang berpendapatan rendah.

### **5.3 Implikasi daripada Isu dan Sentimen Nasional kepada Politik dan Pilihan Raya Umum di Kuala Lumpur dan Seluruh Malaysia**

Politik di Kuala Lumpur amat istimewa untuk dikaji kerana kedudukannya sebagai ibu negara yang mengalami proses urbanisasi/perbandaran yang pesat dan mempunyai komposisi kaum yang seimbang. Situasi politik Kuala Lumpur juga dapat dijadikan indikator kepada senario politik nasional. Melihat kepada senario politik dan pilihan raya di Malaysia, kemenangan besar BN dalam PRU 2004 adalah disebabkan oleh faktor 'Pak Lah' dengan imej Islam dan mesra rakyat serta ketiadaan isu besar dalam pilihan raya umum tersebut manakala pakatan pembangkang pula dilihat begitu rapuh serta tiada satu agenda pembangunan yang jelas untuk memerintah negara, malahan agenda negara Islam yang diwar-warkan oleh PAS tersebut masih lagi kabur dan tidak mempunyai hala tuju yang jelas (Ghazali 2006). Pertukaran Perdana Menteri telah memberi kesan kepada pencapaian parti yang bertanding. Perdana Menteri baru akan menggunakan pilihan raya pertama selepas pelantikannya untuk mendapatkan mandat baru selain mengukuhkan kedudukannya dalam parti dan kerajaan. Tun Razak, Dr. Mahathir dan Abdullah Ahmad Badawi menggunakan pendekatan dan isu yang berbeza untuk mencapai tujuan tersebut. Walau apapun cara dan slogan yang digunakan, pencapaian parti yang memerintah lebih baik daripada pilihan raya sebelumnya.

Pilihan raya umum 2004 mempunyai kelainan dibandingkan dengan pilihan raya sebelumnya. Ia bukan sahaja diadakan di bawah pucuk kepimpinan baru tetapi juga menandakan tamatnya satu era yang sangat signifikan dalam politik Malaysia. Era yang dimaksudkan tersebut ialah era kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia (1981-2003). Dr. Mahathir yang dilantik sebagai Perdana Menteri pada pertengahan 1981 dari awal lagi telah menunjukkan gaya kepimpinannya yang berbeza dan lebih dinamik daripada Perdana Menteri sebelumnya dengan kepantasan, ketegasan dan keberaniannya melakukan perubahan dan pembaharuan. Di antaranya menyeragamkan waktu bagi seluruh Malaysia, menyusun semula agensi dan badan kerajaan yang bermasalah khususnya yang terlibat dalam perniagaan serta mewajibkan kad perakam waktu dan pemakaian tanda nama bagi kakitangan awam. Dengan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri pentadbiran

masa itu mendapat jolokan sebagai 'Pentadbiran 2M' yang membawa konotasi dan harapan akan terdapatnya pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah (Ghazali 2006).

Perubahan dan pembaharuan yang dibuat pada peringkat awal pemerintahan Dr. Mahathir memberikan harapan dan keyakinan kepada rakyat untuk memberi sokongan yang lebih besar kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya 1982. Hakikat bahawa Dr. Mahathir tidak disenangi oleh sesetengah pihak pada tahun-tahun terakhir pemerintahannya telah memudahkan pengganti beliau untuk menjadi pemimpin yang lebih disenangi. Apatah lagi Abdullah Ahmad Badawi yang menggantikan beliau lebih disenangi, lebih mesra dan dilihat lebih warak. Dengan kata lain mempunyai personaliti yang berbeza dengan Dr. Mahathir. Pada masa yang sama beliau telah mengambil tindakan yang tegas dan berani yang menunjukkan bahawa beliau tidak lagi berada di bawah bayangan Dr. Mahathir. Di antara tindakan itu ialah menangguk projek landasan berkembar keretapi serta mendakwa Eric Chia dan Kasitah Gaddam di mahkamah atas tuduhan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Pendakwaan itu dilihat sebagai bukti kesungguhan beliau untuk menghapuskan rasuah pada semua peringkat. Gaya kepimpinan dan tindakan yang dibuat Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri baru telah melahirkan apa yang dikenal sebagai suasana rasa senang dan selesa. Suasana sedemikian serta strategi lain seperti persempadanan semula kawasan pilihan raya serta usaha bersungguh-sungguh untuk memenangi hati pelbagai lapisan masyarakat dari semua kaum semenjak 1999 lagi telah menghasilkan kemenangan paling besar dalam sejarah Barisan Nasional (Ghazali 2007).

Namun demikian berbeza pula senario politik pada PRU 2008. Kemenangan parti-parti pembangkang utama (kini Pakatan Rakyat) hampir kesemua kawasan (kecuali Setiawangsa) di Kuala Lumpur dikaitkan dengan fenomena luar biasa yang bersifat nasional dan inklusif dalam sejarah politik Malaysia yang disebut sebagai 'tsunami politik' PRU 2008. Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 (2008) penuh dengan persoalan. Semuanya berpunca daripada kesan 'tsunami politik' yang menumbangkan empat negeri milik UMNO-BN kepada pakatan pembangkang. Empat parti komponen Barisan Nasional (BN) iaitu UMNO, MCA, MIC dan GERAKAN turut menerima kejutan besar apabila ramai calon yang dipertandingkan mengalami kekalahan. Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Pemangku Presiden GERAKAN, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon turut tewas di tangan pencabar masing-masing. Dengan 72.2 peratus daripada hampir 11 juta pengundi berdaftar keluar mengundi, satu dinamika baru politik tanah air telah tercetus (Joseph 2011).

Keputusan pilihan raya umum 2008 mencetuskan banyak persoalan mengenai hala tuju dan masa depan politik Malaysia. Keputusan pilihan raya umum Ke-12 mungkin menjadi perintis kepada sistem dua parti seperti diamalkan di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS). Di UK ada dua parti iaitu Parti Buruh dan Parti Konservatif, manakala di AS pula, Parti Republikan dan Parti Demokrat. Di dua negara maju itu, kedua-dua parti sering bertukar peranan. Ada ketikanya parti yang menjadi pembangkang berjaya membentuk kerajaan pada pilihan raya berikutnya, dan begitu juga sebaliknya. Mungkinkah pada suatu hari nanti sejarah politik tanah air juga akan menyaksikan sistem yang sama mengambil tempat dalam landskap politik Malaysia (Mohd. Noor 2008). Dalam perhitungan politik, lebih-lebih lagi melihat kepada dinamisme politik Malaysia seperti ditunjukkan pada pilihan raya umum 2008, maka situasi tersebut adalah sesuatu yang tidak mustahil untuk berlaku. Pilihan Raya Umum Ke-12 dilihat sudah menjadi 'revolusi pantas' kerana rakyat menghukum UMNO-BN yang selama ini dianggap memberikan begitu banyak manfaat dan kebaikan melalui politik pembangunan dan sentiasa menjaga kebajikan rakyat. Justeru, perubahan

mengejut ini menjadikan UMNO-BN cuba untuk mencari punca 'tsunami politik' yang hampir mengakhiri hegemoni BN di negara ini (Nazli 2008).

Punca yang menyebabkan kekalahan teruk BN pada PRU 2008 berbanding pilihan raya umum 1969 ada kaitan dengan unsur dalaman UMNO. Apabila ada persengketaan pihak yang tidak sehaluan di dalam UMNO, maka ketidakpuasan hati akan diterjemahkan ke dalam keputusan pilihan raya umum. Sebagai contohnya, perpecahan dalam Umno yang membawa kepada pembentukan Semangat 46 menyebabkan PAS dapat merampas Kelantan pada 1990. Perpecahan seterusnya berikutan pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 1999 pula menyaksikan kejatuhan Terengganu tahun pada tahun tersebut. Persengketaan dalaman UMNO akan mempengaruhi keputusan undi apabila jenteranya hilang daya usaha untuk mempengaruhi pemikiran pengundi atau sekadar memastikan kenderaan yang secukupnya disediakan untuk mengangkut pengundi ke pusat pembuangan undi. Tetapi apabila keadaan dalaman UMNO reda semula, parti itu dapat merampas kembali Terengganu dan hampir merampas kembali Kelantan. Kemudian pada Pilihan Raya Umum Ke-12 menjadi saksi era perpecahan yang terbaru berikutan kritikan yang dilemparkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinan Pak Lah. Sedikit sebanyak, keadaan ini memberi petanda awal kewujudan satu perpecahan 'senyap' sedang menular pada peringkat cawangan dan bahagian dalam UMNO. Campur tangan saat terakhir oleh pihak pemerintah di Perlis menyaksikan nasib yang berlainan di sana. Pengaruh gerakan Hindraf yang menarik kaum berbangsa India supaya tidak mengundi BN turut memberi kesan (Rusniyati 2008).

Isu nasional seperti isu tuntutan Hindu Right Action Force (Hindraf) terhadap hak asasi orang India yang mempengaruhi kalangan pengundi India, isu-isu sentimen perkauman yang dicetuskan pembangkang di Pulau Pinang yang mempengaruhi para pengundi Cina di negeri-negeri lain, isu kenaikan harga petrol yang tinggi yang mempengaruhi harga barang keperluan, isu kenaikan bayaran tol yang drastik juga telah mempengaruhi keputusan politik pengundi (Amer Saifude 2008 & 2011; Sivamurugan 2010). Isu-isu ini telah memberi kesan yang mendalam kepada kehidupan seharian mereka. Daripada isu-isu ini, pengundi telah memainkan peranan mereka sebagai 'pengguna'. Pengundi kali ini beranggapan bahawa jika keperluan hidup mereka dibebankan maka pilihan raya umumlah tempat mereka terjemahkan atau luahkan isi hati mereka iaitu melalui undi protes (Joseph 2011).

Isu kredibiliti dan kepercayaan seperti isu suruhanjaya video klip hakim, isu rasuah beberapa pemimpin kerajaan pusat dan negeri yang telah dibicarakan di mahkamah, penyalahgunaan kuasa ahli parlimen dan isu pembatalan saat-saat akhir penggunaan dakwat kekal ketika pengundian dan isu pembatalan pembayaran duti setem oleh SPR untuk pencalonan turut memberi kesan kepada pengundi. Isu setempat seperti pemilihan calon tanpa mengambil kira sentimen rakyat setempat, isu kebajikan pengundi dan isu keselamatan dan kemudahan infrastruktur setempat memberi kesan kepada jiwa pengundi dan secara senyap mereka memprotes sehingga membentuk majoriti senyap yang amat besar jumlahnya. Isu-isu nasional dan isu setempat tersebut dimanipulasi dengan baik dan jelas dan dijadikan isu sentimen yang besar dan meluas oleh parti pembangkang baik melalui ceramah pemimpin mereka yang berpengaruh seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Lim Kit Siang, risalah atau bahan bercetak mahupun melalui laman-laman web parti dan persendirian yang memihak kepada mereka dan hal ini gagal dijawab dan ditangani dengan baik oleh BN baik melalui media perdana mahupun ceramah setempat (Joseph 2011).

Berbeza dengan situasi pilihan raya umum 2004, pilihan raya 2008 lebih memperlihatkan persepakan yang tersusun di kalangan parti-parti pembangkang dalam soal

pembahagian kerusi DUN dan Parlimen dan strategi politik. Perbincangan yang diadakan di peringkat negeri di kalangan parti pembangkang dalam soal pembahagian kerusi dijalankan dengan baik untuk mengelakkan pertembungan tiga penjurong antara BN dengan parti-parti pembangkang. Peranan Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam menjadi pihak tengah dalam perundingan parti-parti pembangkang telah berjaya mewujudkan persepahaman di kalangan mereka dari segi pembahagian kerusi dan juga persamaan prinsip perjuangan ketiga-tiga parti pembangkang utama negara. Dato' Seri Anwar Ibrahim berjaya mengumpulkan pengikut yang begitu ramai, bukan kerana parti ditubuhkan atas nama keadilan itu, sebaliknya kerana pengaruh faktor bekas Timbalan Perdana Menteri sebagai seorang individu yang mempunyai pengalaman dalam kerajaan sebelum beliau dipecat dari kerajaan dan UMNO. Beliau berjaya memanipulasikan isu kos sara hidup yang semakin meningkat yang menimbulkan kemarahan rakyat, mempersoalkan kegagalan BN untuk menjawab isu-isu yang ditimbulkan oleh pembangkang dan peranan media yang keterlaluan sehingga rakyat berasa bosan dengan propaganda yang disiarkan dan isu SPR yang bertindak membatalkan penggunaan duit setem dan dakwat hitam di saat akhir, menimbulkan persepsi negatif rakyat kepada ketelusan SPR sebagai badan berkecuali dalam menguruskan perjalanan pilihan raya (Joseph 2011).

Parti pembangkang PAS dan PKR juga secara bersama melahirkan manifesto 'Negara Beramanah, Bersih, Adil dan Berkeadilan' menawarkan penurunan harga bahan bakar (petrol dan diesel) dengan pendekatan 'subsidi' bagi menangani inflasi harga barang keperluan dan perkhidmatan, penghapusan semua pinjaman tertunggak PTPTN, mengembalikan pendidikan percuma di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam serta pemberian biasiswa, pelaksanaan Akta Gaji Minimum serta Skim Pembiayaan Kesihatan Nasional dan penghapusan sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) serta Akujanji di kalangan kakitangan kerajaan. Kesemua manifesto yang dilihat 'populer' ini dilihat berjaya menawan hati pengundi terutamanya pengundi di kawasan bandar yang majoritinya pengundi Cina dan ini terbukti apabila hampir kesemua kawasan bandar di Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kuala Lumpur telah ditawan oleh parti-parti pembangkang (Rusniyati 2008).

BN yang sepatutnya memberikan tumpuan lebih untuk menjelaskan isu-isu sebaiknya, sebaliknya lebih cenderung untuk bercakapan sesama sendiri mengenai hal-hal yang tidak sepatutnya dibincangkan secara terbuka seperti isu penambahan kerusi di dalam pilihan raya, calon Ketua Menteri Pulau Pinang, perebutan kerusi dan lain-lain melibatkan kepentingan parti komponen masing-masing, bukannya yang melibatkan kepentingan kolektif BN secara menyeluruh. Hal-hal tersebut kemudiannya dimanipulasikan oleh pihak pembangkang dan dijadikan senjata di dalam kempen-kempen sepanjang pilihan raya berlangsung. Kemuncaknya, berlakulah keputusan yang mewujudkan gelombang 'tsunami' yang dicetuskan pengundi yang gagal dikesan dan ditangani oleh BN, sehingga pada asalnya suasana itu tenang, kemudian dikocak oleh parti pembangkang sehingga menghasilkan gelombang besar tersebut (Rusniyati 2008).

Kemudian trend pengundian 16 Pilihan raya kecil (PRK) pasca PRU 2008 (2008-2011) menunjukkan sokongan pengundi masih bergantung kepada pengaruh isu semasa dan kubu kuat parti di kawasan masing-masing. Isu nasional dan tsunami PRU 2008 masih kuat di kawasan bandar dan separa bandar manakala kawasan luar bandar masih merupakan 'fix deposit' kepada BN yang menggunakan elemen 'politik pembangunan' untuk terus berkuasa di kawasan berkenaan. PRK 2008-2011 dilihat sebagai 'warming up' kepada BN dan PR untuk menghadapi PRU 2013. Isu-isu semasa pasca PRU 2008 yang membelenggu kedua-dua pihak tersebut serta kemunculan NGO dan parti-parti baru yang bertindak sebagai 'third



force' yang akan turut menyertai PRU kali ini menjadikan pilihan raya umum 2013 lebih menarik dan membuatkan fikiran pengundi terutamanya 'golongan atas pagar/tidak memihak' semakin 'bercelaru' dalam menentukan pilihan politik/parti mereka pada PRU ke 13 akan datang hinggalah ke saat memangkah kertas undi pada hari pengundian kelak. Keadaan ini menjadikan faktor 'winnable candidate' atau 'calon boleh menang' sebagai faktor penting dalam menentukan kemenangan parti yang bertanding dalam PRU ke 13 nanti (Mohd Fuad et al. 2013).

Pada tahun 2013, kekuatan dan kelebihan kedua-dua gabungan parti BN dan Pakatan Rakyat (PR) untuk menuju PRU 2013 yang ke-13 adalah seimbang. BN sebagai Kerajaan Pusat dan juga menguasai pentadbiran Wilayah Persekutuan dilihat kerap turun padang dan memberikan pelbagai imbuhan kepada rakyat dan menjadikan media perdana sebagai alat untuk menghentam PR dalam isu perkauman, pembangunan dan agama; manakala PR cuba memanipulasi kelemahan governans Kerajaan Pusat (BN) dan DBKL dan juga isu-isu nasional yang melibatkan kredibiliti pemimpin setempat serta nasional (Junaidi et al. 2013a). Kekuatan yang seimbang di peringkat nasional dan Kuala Lumpur tersebut menjadikan politik Kuala Lumpur khususnya dan politik Malaysia amnya menjadikan telahan dan analisis serta jangkaan keputusan politik rakyat Malaysia dan juga di Kuala Lumpur lebih menarik untuk dikaji dan sedang dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia.

Menuju PRU ke-13 (2013), BN dan Pakatan Pembangkang/Pakatan Rakyat telah melancarkan manifesto pilihan raya masing-masing dan antara intipati manifesto mereka termasuk perumahan untuk rakyat. BN berjanji untuk membina sejuta rumah mampu milik termasuk 500,000 unit di bawah Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang digerakkan oleh sektor awam dan swasta. Perkara tersebut dinyatakan dalam Manifesto BN bertemakan 'Menepati Janji Membawa Harapan' yang dilancar Pengerusi BN Datuk Seri Najib Tun Razak di Stadium Tertutup Bukit Jalil Kuala Lumpur pada 6 April 2013, yang turut menjanjikan harga rumah PR1MA sekurang-kurangnya 20 peratus di bawah harga pasaran. BN juga berjanji untuk memperkenalkan skim sewa dan milik bagi projek perumahan kerajaan, memulihkan semula projek perumahan terbengkalai untuk melindungi pembeli dan mengambil alih penyelenggaraan semua Projek Perumahan Awam.

Selain itu, BN akan membantu pemilik rumah yang berpendapatan rendah dan miskin untuk memperbaiki rumah mereka serta memperbaiki perumahan estet dan menyediakan rumah untuk bekas pekerja melalui perkongsian Kerajaan-Estet. Manifesto tersebut turut menyebut bahawa gabungan berkenaan akan menggantikan kawasan setinggan dengan kawasan perumahan tetap yang selesai. Bagi pembelian rumah pertama pula, BN berjanji untuk memansuhkan yuran setem rumah pertama yang berharga di bawah RM400,000 jika diberi mandat sebagai kerajaan bagi tempoh lima tahun lagi. Menurut manifesto tersebut lagi, dasar kerajaan BN selama bertahun-tahun adalah memastikan bekalan semua jenis rumah untuk rakyat mencukupi. Oleh itu, BN telah menyediakan kemudahan tabung RM1.2 bilion untuk PR1MA bagi pembinaan 80,000 rumah di lokasi permintaan tinggi pada tahun 2013. Setakat ini, kerajaan BN juga telah memulihkan 126 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 30,000 unit dan menyediakan RM307 juta pada 2012 dan 2013 untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai (<http://www.manifestopru13.com/#sthash.vjok2Cdj.dpbs>; [http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/6/mstar\\_berita/20130406182256&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/6/mstar_berita/20130406182256&sec=mstar_berita)).

Bagi Pakatan Rakyat pula, jika diberi mandat memerintah negara ini pada PRU 2013, mereka akan menggerakkan program perumahan selesai dan mampu milik secara besar-

besaran untuk mencapai matlamat satu rumah setiap satu keluarga. 150,000 rumah mampu milik dalam kategori kos rendah (bawah RM75,000) dan kategori kos sederhana (antara RM150,000 hingga RM250,000) akan dibina dalam tempoh penggal pertama pentadbiran Pakatan Rakyat. Selain, itu, Perbadanan Perumahan Negara (PPN) akan ditubuhkan sebagai badan induk yang membina, mengawalselia dan mengusahakan rumah mampu milik rakyat. PPN akan memikul tanggungjawab membina rumah rakyat bertujuan mengimbangi harga rumah sektor swasta yang melonjak tinggi. Perbadanan tersebut juga akan berfungsi memastikan keamanan industri perumahan negara dengan menjamin keadilan kepada pembeli dan pengusaha, termasuk melaksanakan konsep “bina dan jual” dengan lebih meluas. Pakatan Rakyat akan melabur RM5 bilion dalam tahun pertama untuk membina rumah mampu milik, diikuti dengan peruntukan RM2 bilion setiap tahun dari tahun kedua hingga kelima (<http://limkitsiang.com/docs/Manifesto%20Rakyat%20PRU13.pdf>). Kedua-dua manifesto yang berkaitan dengan perumahan tersebut dilihat akan mempengaruhi pilihan politik pengundi melalui penilaian yang rasional seterusnya bakal mempengaruhi sokongan mereka berdasarkan pilihan yang terbaik.

Keputusan PRU 2013 di Kuala Lumpur menunjukkan tsunami politik masih berterusan dengan peningkatan undi serta majoriti undi kepada Pakatan Rakyat di kawasan majoriti etnik Cina yang bertambah sekali ganda berbanding PRU 2008, namun BN masih berjaya merampas kembali kerusi Parlimen Titiwangsa daripada PAS menjadikan mereka mendapat tambahan satu kerusi kepada 2 kerusi. PRU ke-13, 2013 merupakan PRU paling sengit dalam sejarah pilihan raya umum di Malaysia dan disifatkan sebagai ‘ibu’ kepada kesemua 13 PRU yang telah diadakan di negara ini. PRU ke-13 juga mencatatkan penyertaan jumlah calon paling ramai dalam sejarah politik tanah air dengan penyertaan 579 calon bagi kerusi Parlimen dan 1321 calon di kerusi Dewan Undangan negeri (DUN) termasuk 189 calon bebas di kedua-dua kerusi tersebut. Keputusan PRU ke-13 menunjukkan BN masih mengekalkan status quo di peringkat nasional dengan memenangi 133 kerusi Parlimen dan 275 kerusi DUN namun mengalami penurunan penguasaan jumlah kerusi kedua-dua perwakilan tersebut seterusnya gagal mendapat majoriti dua pertiga kerusi Parlimen. Fenomena ini berlaku apabila gabungan parti-parti pembangkang iaitu Pakatan Rakyat/PR (PKR, DAP dan PAS) berjaya menguasai 12 daripada 14 kerusi Parlimen di kawasan ibu negeri kecuali Johor Bahru dan Kangar. Keadaan ini digelar sebagai ‘tsunami politik bandar’.

‘Tsunami politik bandar’ berlaku adalah disebabkan faktor akses sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda. Kos sara hidup yang tinggi dan manifesto Pakatan Rakyat seperti penurunan harga bahan api, penurunan harga kereta, pentadbiran yang lebih adil dan telus juga menjadi faktor kemenangan Pakatan Rakyat dalam PRU ke-13 di kawasan bandar. Keputusan PRU 2013 di Kuala Lumpur menunjukkan BN terus tewas di kawasan bandar dengan majoriti yang lebih besar namun berjaya merampas kembali kerusi Parlimen Titiwangsa daripada PAS.

## **6.0 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, perkembangan dasar perumahan di Malaysia dipengaruhi oleh faktor perkembangan perbandaran/urbanisasi yang bertitik tolak daripada peningkatan taraf hidup dan kemajuan sosioekonomi dan politik setempat. Sejarah kedatangan penjajah telah menggalakkan pertumbuhan pekan dan bandar baru yang akhirnya membentuk petempatan penduduk yang baru. Ketidakstabilan politik akibat keganasan komunis telah membentuk

kampung-kampung baru bagi kaum Cina seterusnya memudahkan strategi penjajah untuk memperkenalkan pengasingan kaum mengikut kaum iaitu orang Melayu tinggal di kawasan perkampungan tradisional dengan aktiviti pertanian dan menguasai politik tradisional, orang Cina ditempatkan di kawasan kampung-kampung baru dengan aktiviti perniagaan dan orang India tinggal di kawasan perumahan estet getah.

Keadaan ini berterusan hinggalah selepas merdeka dan masih boleh dilihat hingga ke hari ini. Pembangunan perumahan mampu milik (kos sederhana dan kos rendah) tidak menggugat pemilikan rumah kaum Melayu malah dominasi kaum Melayu di kawasan pilihan raya tersebut terus dapat dikekalkan. Temyata pengelompokan kaum Melayu di kawasan perumahan ini telah berjaya meningkatkan sokongan kepada parti politik Melayu. Secara tidak langsung keadaan ini turut memberi kekuatan kepada parti politik Melayu dan seterusnya mengukuhkan lagi geopolitik Melayu di sesuatu kawasan. Dasar perumahan negara yang mewujudkan PPR telah memberi manfaat kepada penghuni bandar terutamanya keluarga setinggan Melayu untuk mempunyai rumah sendiri yang selesa dan kondusif.

Kewujudan PPR menghasilkan impak geopolitik dari segi penambahan jumlah pengundi bandar terutamanya kaum Melayu yang kebanyakannya penghuni kampung-kampung setinggan. Hal ini membolehkan orang Melayu memiliki rumah sendiri seterusnya mengukuhkan geopolitik atau kuasa melalui undi mereka dalam setiap pilihan raya yang mendatang. Keputusan PRU 2004 yang bersandarkan imej positif Abdullah Ahmad Badawi dan pembaharuan dalam beberapa polisi sosial dan ekonomi telah mengukuhkan hegemoni BN di persada politik negara. Namun demikian, keputusan PRU 2008 menunjukkan fenomena nasional iaitu 'tsunami politik' turut memberi impak kepada sokongan pengundi yang tinggal di PPR dimana mereka turut menyokong parti-parti pembangkang (kini Pakatan Rakyat) yang menyebabkan BN tewas di 10 daripada 11 kerusi Parlimen di Kuala Lumpur. PRU ke-13 memperlihatkan pertarungan sengit antara BN dengan PR kerana masing-masing menawarkan manifesto yang menarik termasuklah mengenai perumahan untuk rakyat seterusnya menghasilkan landskap politik yang bakal mevariasikan lagi senario politik negara. Namun 'tsunami politik bandar' menyebabkan BN telah tewas dengan majoriti yang lebih besar di kawasan majoriti kaum Cina namun demikian berjaya menawan kembali kerusi Parlimen Titiwangsa yang mempunyai pengundi perumahan PPR yang ramai terutamanya daripada kaum Melayu.

## **RUJUKAN**

- Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman dan Rosmadi Fauzi. 2011. 'Politik etnik Malaysia: Analisis pasca Pilihan Raya Umum ke 12 mengenai sokongan bukan Melayu kepada UMNO dan PAS'. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 7(2), 18-27.
- Amer Saifude Ghazali. 2008. Politik Etnik dalam Pilihan Raya Parlimen 2008 di Malaysia: Suatu Analisis. Dlm. Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib dan Abdul Kadir Rosline. Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Ke-12, 28-30 Oktober, Sabah. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Amer Saifude Ghazali. 2009. *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Carrell, S.E. & Hauge, J.A. 2009. Politics and the implementation of public policy: The case of the US military housing allowance program. *Public Choice*. 138(3-4), 367-386.

- Chou, Y.-C., Wang, Y.Y., Fu, L.-Y. & Palley, H.A. 2006. Taiwanese housing policy shifting the focus of housing policy under a democratic regime, *Asia Pacific Journal of Social Work and Development*. 16(2), 53-66.
- Chuan a/ Eyan. 1997. Perkembangan Sektor Perumahan dan Implikasinya Terhadap Politik di Malaysia: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Alor Setar Kedah. Latihan Ilmiah. Bangi, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- DBKL. 2010a. *Info Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL*. Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Field. W.H. 1997. Policy and the British voter: Council housing, social change, and party preference in the 1980s. *Electoral Studies*. 16(2), 95-202.
- Ghazali Mayudin. 2006. Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia, Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud & Zaini Othman. *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Mayudin. 2007. Hubungan Keputusan Pilihan Raya dengan Isu, Ekonomi dan Kepimpinan: Antara Alat dengan Matlamat, Dlm. Armida S. Alisjahbana, Ramdan Panigoro & Parikesit (Pnyt.). *Indonesia dan Malaysia dalam era globalisasi dan desentralisasi: Mewujudkan kemakmuran bersama (Buku 2: Isu dan permasalahan politik, hukum dan budaya*. Bandung, Indonesia: Kantor Pembantu Rektor Bidang Kerjasama UNPAD.
- Hoggart, K. 1995. Ethnic voting patterns. *Journal of Political Geography*. 14, 65-67.  
<http://www.manifestopru13.com/#sthash.vjok2Cdj.dpbs> (Atas talian).  
[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/3/mstar\\_berita/20130401193627&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/3/mstar_berita/20130401193627&sec=mstar_berita) (Atas talian).  
[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/6/mstar\\_berita/20130406182256&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/6/mstar_berita/20130406182256&sec=mstar_berita) (Atas talian).  
[http://www.pru13.gov.my/pdf/statistik\\_bilangan\\_parlimen/statistik\\_pemilih\\_negeri.pdf](http://www.pru13.gov.my/pdf/statistik_bilangan_parlimen/statistik_pemilih_negeri.pdf) (Atas talian).  
<http://semak.spr.gov.my/spr/> (Atas talian).  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1116&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1116&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm) (Atas talian)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2004. *Bank data negeri/daerah Malaysia 2004*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010a. *Taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010b. *Buletin perangkaan sosial Malaysia 2010*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2010c *Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim 2010*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jayanthi a/p Sanasi. 1998. Pembangunan Perumahan: Kajian awal impak geopolitik kaum India Sentul. Latihan Ilmiah. Bangi: Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johnston, R.J. 1972. Spatial Elements in Voting Patterns at the 1968 Christchurch City Council Election. *Political Science*. 24(1), 49-61.
- Joseph M. Fernando. 2011. Pola Pengundian dan Isu-Isu dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12, Dlm. Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor (Edt.). *Pilihan raya umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali. 2012a. Penilaian awal impak peraksanaan dasar perumahan negara terhadap sektor perumahan di Kuala Lumpur. *Geografia Online, Malaysian Journal of Society and Space*. 8(6), 90-108.

- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali. 2012b. Pembangunan perumahan: sejarah, polisi dan impak geopolitik di Kuala Lumpur, *Postgraduate Research Seminar (POGRES), 2012*, Bangi, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 21 November.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Fuad Mat Jali & Novel Lyndon. 2012c. Dasar perumahan negara: kajian awal impak polisi di Kuala Lumpur, *International Conference On Social Sciences And Humanities (ICOSH) 2012*, Bangi, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 11-12 Disember.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mazlan Ali. 2013a. Analisis Sejarah Perkembangan Fizikal, Sosioekonomi dan Politik di Kuala Lumpur, *Fourth Social, Development and Environmental Study International Conference 2013*, Bangi, School of Social, Development and Environmental Study, Faculty of Social Sciences And Humanities, The National University of Malaysia, 19 March.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi dan Amer Saifude Ghazali. 2013b. Perumahan dan Impak Geopolitik dalam PRU 1995 hingga 2013: kajian kes di Kawasan Parlimen Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia (PAHMI7), Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur. 22-24 Oktober.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2013c. Analisis Geografi Pilihan Raya di Kawasan Parlimen Titiwangsa, Kuala Lumpur 1955-2013. Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (2013). Anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia di Hotel Eastin Pulau Pinang. 26-27 Oktober.
- Killian, A. & Delpont, E. 1998. Housing problems and solutions in South Africa, *International Journal for Housing Science and Its Applications*. 22(4), 255-261.
- KWPKB. 2009. *Garis panduan penjualan rumah PPR MTEN dan Perumahan Awam (PA) DBKL 2009*. Putrajaya: Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.
- Malpass, P. 1999. Housing policy: does it have a future?. *Policy & Politics*. 27, 2-4.
- Mazlan Ali, Zulkanain Abdul Rahman & Amer Saifude Ghazali 2012. Perkembangan politik Kuala Lumpur 1969-1999. *Demokrasi dan Pilihan Raya*. 1(1), 27-42.
- Mohd Fuad Mat Jali & Rusnah Alias. 2005. Pembangunan perumahan: strategi melestarikan geopolitik Melayu di kawasan DUN Ampangan, Negeri Sembilan, *Persidangan Kebangsaan PPSPP Ke-2*. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali & Rusnah Alias. 2007. Pembangunan perumahan: strategi melestarikan geopolitik Melayu di kawasan DUN Ampangan, Negeri Sembilan, Dlm. Abdul Hair Awang, Mohd Ikhwan Hj. Toriman & Marsitah Mohd Radzi, (Pnyt.). *Negeri Sembilan: Potensi dan Cabaran*. hlm 66-78, Puchong, Scholar Press (M) Sdn. Bhd.
- Mohd Fuad Mat Jali. 1998a. Pembangunan perumahan: analisis awal geopolitik di Kuala Lumpur, Dlm. Katiman Rostam, Abd. Rahim Md. Nor, Junaidi Abu Bakar, Kadaruddin Aiyub & Mohd Ikhwan Toriman, (Pnyt.). *Pembangunan, Perbandaran dan Alam Sekitar*. hlmn 45-55, Bangi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali. 1998b. *Memorandum bangsa Melayu Dalam Pembangunan*, pembentangan di Konvensyen Melayu Dalam Pembangunan, 23-24 Ogos 1997, Bangi, Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Fuad Mat Jali. 1999a. Melestarikan politik Melayu: analisis geopolitik, Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Alam, Manusia dan Pembangunan di Malaysia: Dasar, Strategi dan Kelestariannya*, Bangi, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali. 1999b. Pembangunan perumahan: hak milik dan dampak geopolitik kaum di kawasan parlimen Sungai Petani, Kedah, Dlm. *Persidangan kebangsaan penilaian dampak sosial*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2013a. Analisis Geografi Pilihan Raya dalam Pilihan Raya Kecil di Malaysia 2008-2011. *Fourth Social, Development and Environmental Study International Conference 2013*. Bangi, School of Social, Development and Environmental Study, Faculty of Social Sciences and Humanities, The National University of Malaysia, 19 March.
- Mohd. Noor Yazid. 2008. Keputusan pilihan raya umum 2008: Mungkinkah terbentuknya sistem dua parti di Malaysia, Dlm Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline, *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*, Sabah, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Razali Agus. 1986. *Politik dalam Perumahan*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Mohd Razali Agus. 1992. *Pembangunan Perumahan: Isu dan Prospek*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Razali Agus. 2001. *Perumahan awam di Malaysia: dasar dan amalan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Nazli Aziz. 2008. Pilihan Raya Umum Ke-12 dan Perhubungan Kaum di Malaysia: Suatu “Bicara”, Dlm Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline, *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*, Sabah, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Pattie, C., Dorling, D. & Johnston, R. 1995. A debt-owing democracy: the political impact of housing market recession at the British general election of 1992. *Urban Studies*. 32(8), 1293-1315.
- Peet, R. 2007. *Geography of Power: The Making of Global Economic Policy*. New York: Zed Books.
- Peter Loo Hooi Piow & Phang Yow Kit. 2012. *Images of Kuala Lumpur*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Robia Kosai. 1996. Kepesatan Perbandaran dan Hubungannya dengan kekuatan politik Melayu (Titiwangsa). *Kertas Kerja Konvensyen Perbandaran Melayu Titiwangsa 1*, 20 –21 April. Kuala Lumpur, Anjuran UMNO Titiwangsa.
- Rosmadi Fauzi, Aziz Shafie, Amer Saifude Ghazali, Zulkarnain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman. 2011. Elemen Ruang dalam Politik Malaysia Menjelang Pilihan Raya Umum 13. *Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam, Universiti Teknologi MARA, 12 Januari.
- Rosmadi Fauzi. 2013a. Pilihan raya: Ruang dan Masa, Dlm. *Harian Metro*. 28 Februari.
- Rosmadi Fauzi. 2013b. Kebajikan Terpelihara Mampu Pacu Menang Bergaya. Dlm. *Harian Metro*. 6 April.
- Rusniyati Mahiyaddin. 2008. Pilihan raya ke-12: Satu perubahan di Malaysia, Dlm Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline, *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*, Sabah, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Schwartz, A. 2012. US Housing Policy in the Age of Obama: From Crisis to Stasis. *European Journal of Housing Policy*. 12(2), 227-240.

- Sivamurugan Pandian. 2010. Malaysia's 12th General Election: An Analysis. *European Journal of Social Sciences*. 14(4), 508-523.
- Tai Ching Ling & Peter S.J. Chen. 1992. *Housing a Basic Need*. Hong Kong: Maruzen Asia.
- Tomlinson, M.R. 1999. South Africa's housing policy: Lessons from four years of the new Housing Subsidy Scheme. *Third World Planning Review*. 21(3), 283-295.
- Tomlinson, M.R. 2007. The development of a low-income housing finance sector in South Africa: Have we finally found a way forward?. *Habitat International*. 31(1), 77-86.
- Universiti Sains Malaysia. 1988. *Kajian Impak pembangunan Negeri Pulau Pinang: Perspektif Kependudukan & Geopolitik*, Pulau Pinang, Kertas Cadangan.
- Utt, R.D. 2008. Comment on Robert E. Lang, Katrin B. Anacker, and Steven Hornburg's "The new politics of affordable housing". *Housing Policy Debate*. 19(2), 255-259.
- Williamson, T. 2008. Sprawl, spatial location, and politics: How ideological identification tracks the built environment. *American Politics Research*. 36(6), 903-933.

<sup>1&2</sup>Junaidi Awang Besar

<sup>1</sup>Pensyarah di Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

<sup>2</sup>Calon PhD di Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS), Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur

Email: jab@ukm.my; junaididee@yahoo.com

Rosmadi Fauzi

Pensyarah Kanan di Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS), Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur

Email: rosmadifauzi@um.edu.my

Amer Saifude Ghazali

Pensyarah Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS), Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur

Email: asaifude@um.edu.my